



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

SIARAN MEDIA

2U2I MENINGKATKAN KEMAHIRAN GRADUAN KE SEKTOR PEKERJAAN

KUALA LUMPUR, 12 Oktober 2020 – 2U2I adalah merupakan konsep pembelajaran yang menggabungkan 2 elemen iaitu 2 tahun di Universiti dan 2 tahun menjalani latihan Industri. Saya sangat bersetuju dengan pelaksanaan konsep ini kerana ianya dapat mempersiapkan para graduan bukan hanya melalui pembelajaran secara teori semasa berada di kampus malah dapat membuat persediaan bagi menempuh alam pekerjaan setelah tamat pengajian. Perkara berhubung konsep 2U2I ini telah dinyatakan oleh Dr. Mus Chairil Samani, Pensyarah Kanan, Jabatan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak baru-baru ini.

Pendekatan seperti ini juga telah dipelopori oleh agensi-agensi di bawah MEDAC contohnya melalui INSKEN yang telah menyediakan platform latihan serta 'coaching' yang bukan memberikan ilmu secara akademik (teori) malah pendedahan banyak diberikan secara praktikal. Saya percaya pembelajaran berterusan berlaku bukan sahaja di dalam ruang lingkup di bilik kuliah sahaja malah penempatan di industri akan memberi pembelajaran berterusan secara amali. Untuk itu, MEDAC menyokong dan menggalakkan 2U2I sebagai antara mekanisme terbaik untuk menyiapkan para graduan ke pasaran pekerjaan.

Perkara yang berkonsepkan seperti ini juga telah saya nyatakan semasa sesi perbincangan berhubung penubuhan Kolej Universiti Koperasi dengan pihak i-Coop baru-baru ini.

Dalam hubungan yang sama, MEDAC melalui inisiatif Protege juga telah memulakan penempatan graduan di syarikat-syarikat GLC dan swasta agar dapat mengasah bakat, memberi pendedahan dan meningkatkan kebolehpasaran graduan ini dengan lebih tinggi. Ini amat penting bagi membuka peluang yang lebih luas dan membantu meningkatkan jaminan peluang pekerjaan kepada para graduan dan belia Malaysia.

Menyentuh mengenai pengwujudan TV Sarawak (TVS) yang telah dilancarkan, saya berpandangan ianya adalah satu inisiatif yang ditunggu-tunggu sejak sekian lama oleh masyarakat tempatan di Sarawak. Sejak sekian lama, program dan berita Sarawak hanya menjadi antara segmen di stesyen utama sedangkan begitu banyak pemberitahuan berita bermanfaat dalam kalangan penduduk Sarawak yang boleh dikongsi dan dihebahkan.

Sehubungan itu, TVS juga boleh dijadikan platform sebagai latihan industri kepada para graduan dalam bidang Komunikasi dengan tunjuk ajar pakar-pakar dalam bidang berkaitan selain menjadi medium hebahan penting untuk penyampaian maklumat tempatan yang berkesan oleh Kerajaan.

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI